

Rujukan: UNIMAS/PEND/01-104 Jilid 5 (60)



UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)

**PEKELILING PENTADBIRAN
BILANGAN 15 TAHUN 2026**

Pejabat Pendaftar
Tarikh: **10 Julai 2026**

PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 15 TAHUN 2026

**PEMAKAIAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) UNIVERSITI
MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS) TAHUN 2026 – 2030**

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua staf UNIMAS mengenai pemakaian Pelan Antirasuah Organisasi [*Organizational Anti-Corruption Plan* (OACP)] UNIMAS Tahun 2026 – 2030 sebagai dokumen rujukan rasmi universiti dalam memperkukuh tadbir urus, integriti dan pencegahan rasuah di UNIMAS.
2. Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) UNIMAS Tahun 2026 – 2030 dibangunkan selaras dengan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dan Strategi Antirasuah Nasional (NACS) bagi memperkukuh tadbir urus, integriti dan usaha pencegahan rasuah dalam pengurusan pentadbiran universiti.
3. Pelaksanaan OACP UNIMAS adalah bertujuan untuk:
 - (i) memperkukuh tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan universiti secara telus, cekap dan berakauntabiliti;
 - (ii) meningkatkan kesedaran dan pembudayaan integriti dalam kalangan warga universiti;
 - (iii) mencegah dan membanteras perlakuan rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan pelanggaran integriti;
 - (iv) memperkasakan sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko rasuah universiti; dan
 - (v) memastikan pematuhan terhadap dasar, peraturan dan undang-undang berkaitan integriti dan antirasuah.
4. Pelaksanaan OACP UNIMAS merangkumi tiga (3) bidang keutamaan seperti berikut:
 - (i) Tadbir Urus;
 - (ii) Pengurusan Kewangan; dan
 - (iii) Pengurusan Akademik.
5. Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) hendaklah memberikan kerjasama bagi memastikan pelaksanaan inisiatif OACP dipatuhi dan dilaksanakan dengan berkesan di PTj masing-masing.
6. Bahagian Integriti (BI) UNIMAS berperanan sebagai urus setia yang bertanggungjawab menyelaraskan, memantau dan menilai pelaksanaan OACP UNIMAS bagi memastikan setiap inisiatif dilaksanakan secara berkesan serta mencapai objektif yang telah ditetapkan.

7. Semua warga universiti adalah tertakluk kepada pematuhan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605], peraturan-peraturan universiti serta pekeliling yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.
8. Mana-mana staf yang didapati terlibat dalam perlakuan rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan, pelanggaran integriti atau ketidakpatuhan terhadap mana-mana peruntukan undang-undang dan peraturan berkaitan boleh dikenakan tindakan tatatertib atau tindakan lain yang bersesuaian selaras dengan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.
9. Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai **8 Disember 2025**.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



Haji Azlan bin Ramli

Pendaftar

Universiti Malaysia Sarawak

PELAN ANTIRASUAH

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2026–2030

Organisational Anti Corruption Plan (OACP)

Community-Driven University For a Sustainable World



Integrity Division,
Level 3, Chancellory Building
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan, Sarawak



www.integrity.unimas.my



+60 82 581000



Integrity Division

#UNIMASofficial
www.unimas.my





Cetakan Pertama 2026
Hak Cipta Terpelihara
Bahagian Integriti UNIMAS

Hak Cipta Terpelihara. Sebarang cetakan dan pengeluaran mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini di dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara sama ada dalam bentuk elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman mahupun cara lain, adalah tidak dibenarkan melainkan setelah mendapat kebenaran bertulis daripada pihak penerbit.

Diterbitkan oleh :
Bahagian Integriti
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Sarawak
94300, Kota Samarahan
Sarawak.
No. Tel: +6082-584200

Kandungan

i	Pernyataan Komitmen
---	---------------------

ii	Perutusan Naib Canselor
----	-------------------------

iii	Kata Aluan Pengarah Bahagian Integriti UNIMAS
-----	--

iv	Penafian
----	----------

v	Kata Singkatan
---	----------------

Kandungan

Pengenalan	2
1.1	Maklumat Umum OACP UNIMAS
1.2	Skop OACP UNIMAS
1.3	Punca Kuasa
1.4	Pelan Strategik UNIMAS dan OACP UNIMAS
1.5	Latar belakang UNIMAS
1.6	Operasi Utama Bahagian Integriti
Tinjauan Mengenai Antirasuah	10
2.1	Polisi Pencegahan Rasuah UNIMAS
2.2	Penilaian Risiko Rasuah
2.3	12 Risiko Tertinggi
Pembangunan OACP UNIMAS	13
3.1	Pengenalan kepada OACP
3.2	Objektif OACP
3.3	Pendekatan Tujuh (7) Langkah
3.4	Bidang Keutamaan dan Matlamat Strategik Pencegahan Rasuah
3.5	Rangka kerja OACP
Pelan Tindakan OACP	20
4.1	Gambaran Keseluruhan
4.2	Pecahan Bidang Keutamaan
4.3	Perspektif Keseluruhan
4.4	Impak dan Kerumitan
4.5	Garis Masa
Pelaksanaan, Penilaian & Pemantauan	32
5.1	Petunjuk
5.2	Semakan
5.3	Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan dan Penilaian
Kesimpulan	37
6.1	Ringkasan
6.2	Faktor Risiko
6.3	Faktor Kritikal untuk Kejayaan
Lampiran : Pelan Tindakan OACP	39
A.	Senarai Peserta Bengkel Pelan Antirasuah (OACP) UNIMAS
B.	Gambaran Keseluruhan OACP
C.	Garis Masa Inisiatif
D.	Butiran Terperinci Inisiatif

PERNYATAAN KOMITMEN

Selaras dengan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang telah dilancarkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia pada tahun 2019 yang bermatlamatkan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bebas rasuah, Pelan Antirasuah Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Tahun 2026 – 2030 yang digubal ini adalah bertujuan untuk memastikan warga UNIMAS mematuhi aspirasi dan kehendak negara dalam usaha membendung dan membanteras segala perilaku gejala rasuah dan pelanggaran integriti.

Pada dasarnya, Pelan OACP yang dirangka ini juga menggambarkan sokongan, komitmen tinggi dan rasa kebertanggungjawaban bersama barisan Pengurusan Tertinggi UNIMAS serta warga UNIMAS dalam usaha bagi menangani dan menghentikan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa serta apa saja bentuk pelanggaran integriti dan rasuah dalam kalangan warga UNIMAS. Budaya kerja cemerlang yang berlandaskan nilai integriti tinggi dan etika murni di kalangan warga UNIMAS adalah sangat penting untuk memastikan kelestarian dan kecemerlangan UNIMAS di peringkat nasional dan global.


Penting untuk memastikan pencapaian visi dan misi UNIMAS, yang bertujuan menjadi universiti global yang menerajui kelestarian masa depan. Ini dapat direalisasikan dengan meningkatkan impak sosial dan ekonomi di kalangan komuniti global melalui proses pengajaran, penyelidikan, dan penglibatan strategik yang berterusan.



PERUTUSAN

NAIB CANSELOR

Universiti Malaysia Sarawak



Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Kesyukuran yang tidak terhingga dipanjatkan ke hadirat Allah SWT di atas segala rahmat kurniaan dan keizinanNya maka dapat kita melaksanakan tugas dengan produktif, beramanah dan berintegriti. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua warga UNIMAS di atas tanggungjawab dan amanah yang tinggi dalam menggalas tugas masing-masing.

Bahagian Integriti (BI) UNIMAS telah memulakan inisiatif merangka dan menggubal Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) UNIMAS ini bermula pada tahun 2021 selaras dengan matlamat yang disarankan kepada semua Agensi Kerajaan melalui Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang telah dilancarkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia pada tahun 2019 yang bermatlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bebas rasuah. Banyak cabaran yang dihadapi oleh pihak BI dalam proses mendokumentasikan Pelan Antirasuah ini sehinggalah ia dapat direalisasikan. OACP merupakan dokumen hidup (*Living Document*) dan akan sentiasa dipantau keberkesanannya pada setiap masa selaras dengan perubahan domestik dan global agar ia terus relevan dan terkini. Dalam memastikan kelestarian OACP, kerjasama setiap fakulti/institusi/bahagian/pusat di UNIMAS dari aspek tindakan amatlah penting.

Selaras dengan Nilai Teras (*Core Value*) UNIMAS yang ke-tiga, Integriti merupakan sasaran utama UNIMAS dalam memastikan akauntabiliti dan komitmen padu terhadap etika budaya kerja cemerlang dapat diamalkan oleh segenap lapisan warga UNIMAS. Selaras dengan nilai teras ini, ianya direalisasikan melalui pembentukan warga UNIMAS yang bebas rasuah serta mengamalkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan berintegriti tinggi.

Nilai integriti tinggi dalam kalangan warga UNIMAS merupakan pemangkin bagi tenaga kerja yang berdaya saing dan produktif. Ini seterusnya akan berupaya membendung penularan budaya kerja yang menyalahi peraturan terutama yang boleh menjejaskan imej dan reputasi kita di mata pemegang taruh (*Stake holders*), dalaman mahupun luaran universiti. Pelan ini adalah merupakan dokumen rujukan utama bagi warga UNIMAS dalam usaha menangani isu yang berkaitan dengan integriti serta rasuah. Banyak cabaran semasa yang berbentuk dinamik dan sentiasa berubah mengikut landskap geopolitik, sosial, ekonomi serta teknologi yang perlu diambilkira.

Sebagai penutup, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan berbilang terima kasih dan penghargaan kepada Pengarah BI serta Ahli Jawatankuasa Penggubal Pelan Antirasuah UNIMAS Tahun 2026-2030 atas usaha dan komitmen yang tinggi sepanjang tempoh merangka dan membangunkan pelan ini. Tanpa komitmen yang tinggi ini, mustahil usaha ini dapat direalisasikan dengan jayanya. Akhir kata, bersama kita mendoakan agar usaha kita ini akan menjadikan universiti kita produktif, berdaya saing, bebas rasuah dan berintegriti tinggi akan dapat dicapai sepenuhnya ditunjangi komitmen serta kerjasama bersama.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassalamua'laikum warahmatullahi wabarakatuh.

Profesor Dr Ahmad Hata Rasit
Naib Canselor



KATA ALUAN

Pengarah Bahagian Integriti Universiti Malaysia Sarawak

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadirat Allah SWT atas limpah kurnia dan keizinan-Nya, Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Tahun 2026–2030 telah berjaya digubal dan diterbitkan. Pelan ini mencerminkan komitmen UNIMAS dalam memperkukuh tadbir urus yang berintegriti, telus dan berakauntabiliti demi kelestarian universiti.

Penghargaan tulus dizahirkan kepada Pengurusan Tertinggi UNIMAS atas sokongan padu, kepercayaan dan iltizam berterusan dalam memperkasakan agenda integriti universiti. Sokongan ini telah memungkinkan Bahagian Integriti (BI) bersama Ahli Jawatankuasa Penggubal Pelan Antirasuah UNIMAS menghasilkan OACP yang bukan sekadar dokumen pematuhan tetapi panduan praktikal dalam membentuk cara berfikir, membuat keputusan dan bertindak di semua peringkat.

Integriti pada hakikatnya bukan sekadar satu nilai yang diungkapkan, tetapi satu amalan yang perlu dihidupkan dan dipelihara bersama. Ia menuntut kejujuran dalam tindakan, ketelusan dalam keputusan dan keberanian untuk melakukan perkara yang betul walaupun dalam keadaan mencabar. Justeru, sistem penyampaian perkhidmatan universiti hendaklah berteraskan nilai amanah dan integriti yang tinggi, agar setiap proses, perkhidmatan dan interaksi mencerminkan jati diri UNIMAS sebagai institusi ilmu yang berwibawa dan dipercayai.

Pelaksanaan OACP UNIMAS ini merupakan satu perjalanan berterusan (*continuous journey*), bukan usaha sementara. Setelah pelan digubal, penilaian dari segi pelaksanaan, keberkesanan dan impaknya akan dijalankan secara berperingkat dan berfokus. Penambahbaikan akan dilakukan dari semasa ke semasa bagi memastikan pelan sentiasa relevan, segar dan selari dengan keperluan serta cabaran semasa. Melalui pendekatan ini, setiap proses dalaman UNIMAS dapat diperkukuh agar sentiasa berlandaskan kepatuhan integriti dan bebas daripada unsur rasuah, disokong oleh mekanisme pemantauan dan penyelarasan yang berkesan.

Akhir kata, diharapkan OACP UNIMAS ini menjadi panduan utama dan rujukan praktikal, bukan sekadar di atas kertas, tetapi sebagai kompas dalam setiap tindakan dan keputusan. Dengan kesedaran, komitmen dan kerjasama semua warga UNIMAS, pelan ini diyakini mampu memperkukuh budaya integriti, memacu tadbir urus cemerlang dan memastikan universiti terus melangkah ke hadapan sebagai institusi ilmu yang berwibawa, telus, dipercayai dan berdaya tahan.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassalamua'laikum warahmatullahi wabarakatuh dan terima kasih.

Puan Norhamimah bt Buang
Pengarah Bahagian Integriti

PENAFIAN

Walaupun segala usaha telah dilakukan untuk memastikan maklumat dalam Pelan ini, termasuk statistik yang disediakan, adalah tepat dan lengkap, UNIMAS tidak memberikan sebarang jaminan sama ada secara nyata atau tersirat, mengenai ketepatan dan kesempurnaan maklumat tersebut.

UNIMAS tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kesilapan atau ketinggalan yang mungkin berlaku dan tidak akan dipertanggungjawabkan untuk sebarang kehilangan atau kerosakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian khas, tidak langsung, atau berbangkit yang mungkin timbul daripada atau berkaitan dengan penggunaan atau kebergantungan pada maklumat dalam Pelan ini, sama ada berdasarkan kontrak, tort, atau sebarang asas lain. Maklumat yang diberikan adalah untuk tujuan informasi sahaja dan tidak boleh digunakan untuk tujuan komersial atau persendirian.

Penggunaan, penyalinan, atau penyebaran maklumat ini melalui mana-mana rangkaian komputer, media, atau media sosial adalah dilarang tanpa kebenaran. Mana-mana pihak tidak dibenarkan menggunakan maklumat ini untuk tujuan yang melanggar undang-undang, peraturan, dasar, atau polisi, termasuk kegiatan yang dilarang, pengiklanan, pemasaran, penjualan produk atau perkhidmatan, atau penyebaran maklumat tanpa izin.



INDEK SINGKATAN

Singkatan berikut digunakan sepanjang Pelan OACP ini :

AT2HB	Arena Tun Tuanku Haji Bujang
BI	Bahagian Integriti
BJKA	Bahagian Jaminan Kualiti Akademik
BPSM	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
PPPs	Pusat Pengajian Prasiswazah
PPS	Pusat Pengajian Siswazah
CRM	Pengurusan Risiko Rasuah (<i>Corruption Risk Management</i>)
FK	Fakulti Kejuruteraan
F/I/P/B	Fakulti/ Institut/ Pusat/ Bahagian
IBEC	Institut Kepelbagaian Biologi dan Pemuliharaan Alam Sekitar
IBS	Institut Pengajian Borneo
iCreate	Institut Seni Kreatif dan Teknologi
iSITI	Institut Informatik Sosial dan Teknologi Inovasi
iSuRe	Institut Tenaga Lestari dan Diperbaharui
JKSM	Jawatankuasa Sumber Manusia
JKPA	Jawatankuasa Penerbitan Akademik
JTK	Jawatankuasa Tatakelola
MACA	Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia
OACP	Pelan Antirasuah Organisasi (<i>Organisational Anti Corruption Plan</i>)
PAD	Pejabat Audit Dalam
PPbgn	Pejabat Pembangunan
PPPA	Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik
PPUU	Pejabat Penasihat Undang-Undang
PTj	Pusat Tanggungjawab
RIEC	Pusat Penyelidikan, Inovasi dan Enterprise
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
TAHODC	Tun Abang Haji Openg Digital Centre
UHSB	UNIMAS Holdings Sdn Bhd
ULC	Pusat Kepimpinan UNIMAS
UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Antirasuah (OACP) UNIMAS Tahun 2026–2030 dibangunkan selaras dengan keperluan di bawah Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019–2023, serta mengambil kira keperluan terkini di bawah Strategi Pembanteras Rasuah Nasional (NACS) 2024–2028. Pelan ini merupakan sebuah pelan tindakan yang menyeluruh dan praktikal, selain berfungsi sebagai pelan berasaskan penilaian risiko yang bertujuan untuk mengurangkan serta membanteras isu integriti, tadbir urus, dan rasuah di UNIMAS secara khusus.

Dalam usaha menjadikan UNIMAS sebuah universiti yang memperkasakan nilai integriti dalam tadbir urus yang terbaik serta membudayakan amalan kerja yang unggul, pelan ini diwujudkan untuk memastikan matlamat tersebut dapat dicapai dalam tempoh yang ditetapkan. Perkara ini diterjemahkan melalui pengenalpastian tiga (3) Bidang Keutamaan, tujuh (7) Strategi, lima (5) Objektif Strategik, 12 Potensi Risiko, serta 28 Inisiatif Pelan Tindakan.

Pelan ini dibangunkan selari dengan Pelan Strategik UNIMAS, yang bertujuan menjadikan UNIMAS sebagai Institusi Pendidikan Tinggi yang memiliki penyelidik serta staf akademik berkualiti dan cemerlang, disokong oleh ekosistem yang kondusif di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Berdasarkan Pelan dan Strategi Antirasuah Nasional (NACP dan NACS), OACP ini turut menekankan nilai-nilai masyarakat Madani di samping kawalan dalaman yang kukuh serta pengurusan tadbir urus yang mampan.

Setiap tindakan yang dirangka mengambil kira keperluan untuk memperkukuh integriti, menguatkan tadbir urus, serta memperkasa usaha pencegahan rasuah. Untuk mencapai kejayaan dalam pelaksanaannya, aspek-aspek seperti pengukuhan struktur organisasi, penambahbaikan sistem teknologi, perubahan dasar, pemantauan, serta pemantapan modal insan dan kecemerlangan bakat perlu diberikan keutamaan.

Bahagian Integriti selaku Urus Setia bagi pelaksanaan Pelan Antirasuah ini akan memastikan aspek pemantauan dan penilaian dilaksanakan oleh Jawatankuasa Kerja OACP Universiti, yang akan dikawal selia oleh Jawatankuasa Tatakelola, bagi memantau prestasi pelaksanaan sehingga tahun 2030. OACP ini diharapkan menjadi panduan terbaik dalam meningkatkan imej UNIMAS sebagai universiti yang tinggi integritinya dan bebas daripada rasuah, sejajar dengan saranan kerajaan untuk menjadikan Malaysia antara 25 negara teratas dalam Indeks Persepsi Rasuah (*Transparency International*) dalam tempoh 10 tahun akan datang.



VISI

Universiti Peneraju Global Untuk Kelestarian Masa Hadapan

MISI

Meningkatkan Impak Sosial dan Ekonomi Komuniti Global Melalui Kecemerlangan Dalam Pengajaran, Penyelidikan dan Penglibatan Strategik

NILAI-NILAI TERAS UNIMAS

ExcITE

Exemplary • Collegiality • Integrity • Tenacity • Equity

Pengenalan

1.1 Maklumat Umum OACP UNIMAS

Dokumen ini menggariskan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) untuk tempoh 2026–2030 dan diselaraskan dengan Pelan Strategik UNIMAS bagi tempoh yang sama. Tujuan pelan ini adalah untuk mengenal pasti risiko rasuah utama berkaitan dengan operasi UNIMAS dan menerangkan inisiatif serta tindakan untuk mengurangkan risiko tersebut.

Dokumen OACP ini bertujuan untuk memenuhi objektif berikut :-

- Untuk menjadikan tindakan ini sebagai asas amalan antirasuah dan juga penerapan budaya perkhidmatan yang beretika dalam organisasi;
- Untuk membantu mencegah, mengenal pasti dan mengambil tindakan kepada isu rasuah, mematuhi undang-undang pencegahan rasuah yang sedia ada berdasarkan amalan terbaik (*Best Practice*); dan
- Untuk memberi jaminan kepada pihak pengurusan, staf, pelanggan, pemegang taruh dan pihak berkepentingan bahawa UNIMAS sedang melaksanakan tapisan integriti sebagai amalan pencegahan rasuah dalam operasinya.

BAB 1	Memberi maklumat mengenai UNIMAS termasuk latar belakang dan pentadbirannya.
BAB 2	Menghuraikan metodologi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa yang diguna pakai dalam menghasilkan laporan OACP, bermula dari proses penelitian profil organisasi sehinggalah kepada proses pengukuran kesan inisiatifnya. Ia juga menyenaraikan pelbagai risiko dan cabaran yang dihadapi dalam persekitaran operasi semasa UNIMAS. Ini termasuklah penemuan hasil dari latihan Penilaian Risiko Rasuah (CRA) yang telah dilaksanakan sebelum bengkel OACP.
BAB 3	Menggariskan objektif OACP UNIMAS dan mengenal pasti bidang keutamaan yang akan diberi tumpuan. Kejayaan OACP bukan sahaja terhad kepada mengenal pasti risiko rasuah dan melaksanakan pelan tindakannya, tetapi juga dalam memahami model operasi organisasi dan mengaitkan setiap risiko dengan Misi dan Visi UNIMAS.
BAB 4	Menerangkan inisiatif khusus untuk menangani risiko rasuah UNIMAS. Setiap satu mempunyai tahap impak serta kerumitan yang berbeza dan dipantau sepanjang tempoh 4 tahun pelaksanaan OACP.
BAB 5	Menerangkan proses pemantauan OACP di mana ia menilai sama ada berfungsi seperti yang dirancang dan bersedia untuk menangani sebarang perubahan dalam risiko yang mungkin berlaku. Selain itu, bab ini juga menerangkan struktur dan pelaporan kemajuan OACP.
BAB 6	Mengetengahkan faktor-faktor dalaman dan luaran yang boleh memberi kesan kepada hasil OACP. Turut disertakan juga adalah pendapat terpilih daripada kakitangan UNIMAS mengenai jangkaan mereka terhadap OACP.

Dokumen lengkap ini akan menyediakan hala tuju yang jelas untuk inisiatif antirasuah UNIMAS sepanjang tempoh 5 tahun akan datang. Diharapkan ia akan memacu UNIMAS ke arah tadbir urus yang kukuh dan berkesan.

1.2 Skop OACP UNIMAS

Skop OACP UNIMAS merangkumi keseluruhan PTj. Ia dirumuskan dengan tujuan untuk membantu UNIMAS membangunkan Pelan Strategik Pencegahan Rasuahnya sendiri.

Bengkel OACP telah dijalankan pada 08 hingga 09 Ogos 2023 di Bilik Serindit, DeTAR Putra UNIMAS, Kota Samarahan. Bengkel ini dihadiri oleh 40 orang peserta yang mewakili 38 buah PTj termasuk Fakulti/ Institut/ Pusat/ Bahagian (F/I/P/B) di UNIMAS. Senarai peserta adalah seperti di Lampiran A.

Pengumpulan maklumat OACP akan dilakukan secara berterusan dan dilanjutkan untuk tempoh lima (5) tahun akan datang, dari tahun 2026 sehingga tahun 2030. Dalam masa yang sama, OACP akan diselaraskan dengan Pelan Strategik UNIMAS 2026–2030. Garis masa ini dibahagikan kepada empat (4) fasa : Permulaan (2023–2024), Pendek (2025–2026), Sederhana (2027) dan Panjang (2028–2030).

Sebanyak 28 inisiatif telah dikenal pasti semasa Bengkel *Corruption Risk Management (CRM)* yang diadakan pada 26 dan 27 Jun 2023 dan dimasukkan ke dalam OACP UNIMAS. Dari jumlah tersebut, 54% adalah untuk tahun 2023–2024, manakala 79% lagi mempunyai tahap impak yang tinggi.

Turut disertakan adalah 10 petunjuk (*indicator*) yang akan digunakan untuk memantau dan menilai / mengukur keberkesanan OACP dalam mencapai matlamat yang ditetapkan.

1.3 Punca Kuasa

Punca kuasa untuk pembangunan OACP di agensi serta jabatan kerajaan adalah termaktub dalam Arahan YAB Perdana Menteri No: 1 Tahun 2018 – Pemantapan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Mekanisme Pengurusan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Kebangsaan. Punca kuasa seterusnya adalah dalam Arahan YAB Perdana Menteri Siri 2 No.1 Tahun 2019 : Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional.

Punca kuasa juga boleh dirujuk di bawah Pelan Antirasuah Nasional 2019 – 2023, di bawah Strategik 6: Memupuk Tadbir Urus Baik dalam Entiti Korporat, Objektif Strategik 6.2 iaitu Memastikan Daya Tahan Terhadap Ancaman Rasuah Di Entiti Korporat. Di bawah inisiatif 6.2.1 : Mewajibkan Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan, Syarikat Terhad dengan Jaminan (CLBG) dan sektor swasta yang dikawal selia oleh badan kawal selia untuk membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP).



1.4 Pelan Strategik UNIMAS dan OACP UNIMAS


Dalam pelaksanaan Pelan Strategik UNIMAS 2026 – 2030, konsep 'IDEA' telah digunakan. IDEA merujuk kepada *Inspiring People, Driving Innovation, Extending Global Impact* dan *Advancing Sustainability*.

Manakala Pelan Strategik UNIMAS merangkumi tujuh (7) *Strategic Owner* iaitu SO1 *Life – Wide Transformative Education*, SO2 *Future Ready Nextgen of Graduates & Alumni*, SO3 *Boosting RDICE Advancement*, SO4 *Talent Management Governance, Efficient Service Delivery*, SO5 *Sustainable Growth Driven Financial Performance*, SO6 *Network of Co-Creative Ecosystem for Sustainability* dan SO7 *Smart, Green & Inclusive Campus*.

OACP UNIMAS pula terdiri dari tiga (3) Bidang Keutamaan iaitu Tadbir Urus, Pengurusan Kewangan dan Pengurusan Akademik. Setiap Bidang Keutamaan ini mempunyai inisiatif yang telah dikenal pasti.

Antara Pemegang Taruh (*Stakeholder*) utama UNIMAS adalah pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Pihak KPT memperkenalkan 10 Lonjakan Utama iaitu *Humanity – Centric, Entrepreneurial and Adaptive, Purpose Driven High – Performance Talent, Advanced TVET Competency, Financial Sustainability, Planetary Health and Sustainability, Agile and Resilient Governance, Responsible RDICE, Global Prominence, Flexible Education and Lifelong Learning* dan *Responsive and Dynamic Delivery*.

Hubung kait antara kesemua faktor di atas dapat dilihat dalam rajah seperti di bawah :





Community-Driven University For a Sustainable World

1.5 Latar Belakang UNIMAS

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) merupakan sebuah institusi berteraskan komuniti yang komited dalam memperkasakan masyarakat melalui pendidikan, penyelidikan dan kerjasama strategik. UNIMAS menjalin hubungan erat dengan pelbagai pihak berkepentingan bagi merancang dan melaksanakan penyelidikan yang relevan, membangunkan program pendidikan yang responsif, serta mencadangkan penyelesaian mampan terhadap isu setempat.

Pendekatan ini menekankan nilai kolaborasi, kepelbagaian dan keterangkuman, dengan matlamat untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyokong perubahan sosial dan memenuhi aspirasi unik komuniti. Melalui inisiatif ini, UNIMAS memastikan bahawa hasil penyelidikan yang dijalankan memberi impak langsung kepada masyarakat, khususnya dalam menangani cabaran dunia sebenar secara lestari dan berkesan.

UNIMAS ditubuhkan secara rasmi pada 24 Disember 1992 dan mula menerima pelajar pertama pada 8 Ogos 1993. Bermula dengan dua fakulti perintis, UNIMAS berkembang pesat dengan penubuhan lapan fakulti menjelang 1996, termasuk Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan serta Fakulti Ekonomi dan Perniagaan. Penubuhan institut penyelidikan seperti Institut Biodiversiti dan Pemuliharaan Alam Sekitar serta Institut Pengajian Asia Timur memperkukuh peranan UNIMAS dalam penyelidikan berimpak tinggi.


Kini, UNIMAS mempunyai sebelas fakulti, termasuk Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi serta Fakulti Undang-Undang, selaras dengan keperluan akademik dan pembangunan negeri. Pembangunan Hospital Pengajar UNIMAS berkapasiti 300 katil, bersama Pusat Kesihatan Prima yang sedang dibangunkan, memperkukuh peranan universiti sebagai hab pendidikan dan kesihatan utama di Sarawak.

Penubuhan UNIMAS InnoTech Hub pula menyokong pengkomersialan produk penyelidikan dan memperluas kerjasama antara akademik dan industri, menjadikan UNIMAS sebagai institusi yang terus relevan dan berimpak tinggi dalam era digital dan inovasi.

Dari segi kepimpinan, Prof Dato' Zawawi Ismail telah menggalas tugas dan tanggungjawab sebagai Naib Canselor pertama Universiti Malaysia Sarawak selaras dengan penubuhan universiti ini di Bumi Kenyalang. Pada tahun 2000, Prof Datuk Yusuf Hadi pula telah dilantik untuk menggalas tugas sebagai Naib Canselor ke-2 Universiti. Seterusnya, Prof Datuk Dr. Abdul Rashid Abdullah telah dilantik sebagai Naib Canselor ke-3 pada 1 Februari 2005. Tanggungjawab ini diteruskan pula dengan pelantikan Prof Datuk Dr. Khairuddin Ab. Hamid sebagai Naib Canselor ke-4 pada tahun 2008 sehingga 31 Mac 2013. Kemudiannya, Prof Dato' Dr. Morshidi Sirat dilantik sebagai Naib Canselor UNIMAS ke-5 pada 01 April 2013. Walau bagaimanapun, tempoh perkhidmatan beliau terpaksa dipendekkan kerana beliau telah diberi kepercayaan untuk berkhidmat semula di Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai Ketua Pengarah. Justeru, Prof Ts. Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi seterusnya mengambil alih jawatan sebagai Naib Canselor UNIMAS ke-6 pada 16 April 2013. Pada 8 Januari 2024, Prof Dr. Ahmad Hata Rasit telah dilantik sebagai Naib Canselor ke-7 bagi meneruskan legasi ini.

Dalam *THE Impact Rankings 2025*, UNIMAS melonjak ke kelompok 101–200 universiti terbaik dunia, berbanding kedudukan 301–400 pada tahun sebelumnya. Pencapaian ini didorong oleh prestasi cemerlang dalam pelbagai Matlamat Pembangunan Lestari (SDG), termasuk kedudukan ke-16 dunia bagi SDG 17 (*Partnership for the Goals*), ke-36 dunia bagi SDG 16 (*Peace, Justice and Strong Institutions*), serta kedudukan dalam kelompok 100 terbaik dunia bagi SDG 7 dan SDG 2.

Sejajar dengan kedudukan cemerlang dalam SDG dan komitmen terhadap kelestarian global, UNIMAS telah memulakan inisiatif strategik *Low Carbon Campus (LCC) Roadmap 2030*. Inisiatif ini adalah pelan strategik yang direka untuk menggalakkan seluruh warga UNIMAS untuk mengurangkan jejak karbon mereka. UNIMAS berhasrat menjadi model kampus berasaskan data, dipimpin komuniti, dan berpaksikan masa depan hijau, selaras dengan sasaran ekonomi hijau Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 (PCDS) 2030 Sarawak. Komitmen ini membuktikan UNIMAS bukan sahaja cemerlang dalam akademik, tetapi juga memimpin dalam mempromosikan kelestarian alam sekitar.



UNIMAS turut mengekalkan prestasi konsisten dalam penarafan global lain, termasuk peningkatan dalam *THE World University Rankings 2026* ke kelompok 1001–1200 terbaik dunia, berbanding 1201–1500 pada tahun sebelumnya. Lonjakan ini didorong oleh skor tinggi dalam penunjuk *Industry Engagement* (77.7), yang mencerminkan keupayaan universiti menterjemah kepakaran akademik kepada aplikasi dunia sebenar. Dalam *QS World University Rankings 2026*, UNIMAS kekal dalam kelompok 1001–1200, selari dengan kedudukannya dalam *QS Asian University Rankings 2026* di tangga ke-197.

Kecemerlangan warga UNIMAS turut terserlah melalui pengiktirafan antarabangsa. Tujuh pensyarah telah disenaraikan sebagai '*World's Top 2% Scientists 2025*', mengiktiraf sumbangan mereka dalam penyelidikan berimpak tinggi. UNIMAS juga menjadi satu-satunya universiti di Malaysia yang disenarai pendek dalam tiga kategori utama *THE Awards Asia 2024*, termasuk *International Strategy of the Year*, yang mencerminkan kekuatan strategi global dan kerjasama antarabangsa. Dalam bidang inovasi, UNIMAS terus unggul apabila meraih pelbagai anugerah di pertandingan seperti *Seoul International Invention Fair 2024 (SIIF2024)*, membuktikan keupayaan universiti dalam menghasilkan penyelesaian kreatif dan lestari.

Pencapaian ini mencerminkan komitmen berterusan UNIMAS terhadap kecemerlangan akademik, penyelidikan berimpak tinggi, dan pemerkasaan komuniti melalui pendekatan bersepadu dan kepimpinan berwawasan. UNIMAS terus melangkah ke hadapan sebagai institusi yang bukan sahaja membina masa depan Sarawak, tetapi turut menyumbang secara signifikan kepada landskap pendidikan tinggi global, memimpin dalam inovasi dan kelestarian.



1.6 Operasi Utama Bahagian Integriti

Penubuhan Bahagian Integriti di UNIMAS adalah bertitik tolak dari usaha Kerajaan memantapkan integriti, sistem tadbir urus sektor awam yang terbaik dan budaya kerja berkualiti. Kerajaan telah memaklumkan mengenai keputusan untuk menubuhkan Unit Integriti sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di semua agensi awam melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013. UNIMAS telah menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 melalui keputusan mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sarawak Bil.3/2019 ke-89 yang telah bersidang pada 1 Julai 2019. Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 ini, Unit Integriti yang kemudiannya ditukar nama ke Bahagian Integriti, akan bertanggungjawab untuk melaksanakan enam (6) fungsi teras iaitu Tadbir Urus, Pengukuhan Integriti, Pengesanan dan Pengesanan, Pengurusan Aduan, Pematuhan dan Tatatertib.

VISI

Untuk menjadi pusat rujukan bagi pengurusan dan pembudayaan isu-isu integriti di universiti.

MISI

Melaksanakan amalan integriti universiti dalam kaedah yang terancang, bermanfaat dan profesional berdasarkan enam (6) fungsi teras integriti.

Objektif Strategik



Memantapkan tadbir urus keupayaan dan kapasiti warga universiti ke arah kecemerlangan organisasi.



Merealisasikan pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional.



Memperkuhkan sistem aplikasi dan perkongsian maklumat untuk penyampaian perkhidmatan yang berkesan.

***“Integrity ,
The Choice Between
What’s Convenient
And What’s Right”***

– Tony Dungy –

TINJAUAN MENGENAI ANTIRASUAH

2.1 Polisi Pencegahan Rasuah UNIMAS

Di UNIMAS, kami komited untuk melaksanakan dan menguatkuasakan dasar dan prosedur yang berkesan dan teguh bagi mencegah, memantau dan menghapuskan rasuah.

Kami mempunyai pendirian toleransi sifar terhadap rasuah. Semua staf di PTj UNIMAS dilarang meminta, menerima, memperoleh, menawarkan atau memberi rasuah dalam apa jua bentuk sekalipun, dan dikehendaki mematuhi undang-undang Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (dan sebarang pindaan seterusnya) serta undang-undang dan peraturan lain yang berkaitan.

UNIMAS berhak mengambil tindakan yang sewajarnya menurut dasar, prosedur dan keperluan berkanun yang berkaitan terhadap sesiapa yang tidak mematuhi polisi ini. Staf UNIMAS yang didapati melanggar mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan rasuah, polisi UNIMAS secara langsung atau tidak langsung boleh dikenakan tindakan berikut :-

- a. Tindakan tatatertib termasuk pemecatan pekerjaan untuk staf; atau
- b. Penamatan kontrak perniagaan untuk kontraktor dan pemegang taruh luar; atau
- c. Pendakwaan di bawah Akta SPRM 2009.

Sistem Pengurusan Aduan Awam (SiSPAA) menyediakan saluran yang selamat untuk semua staf dan pihak berkepentingan luar termasuk orang awam untuk melapor dan membuat aduan terhadap operasi UNIMAS. Pihak kami sentiasa berusaha memastikan agar staf dan pihak berkepentingan mengetahui akan saluran penyampaian ini dan bersedia membuat sebarang aduan apabila diperlukan.

2.2 Penilaian Risiko Rasuah


Penilaian Risiko Rasuah UNIMAS telah dibincangkan dan dinilai pada bengkel Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) yang telah diadakan pada 26 dan 27 Jun 2023. Seramai 40 orang peserta yang terdiri dari Ketua PTj dan Staf Pengurusan telah menyumbang pelbagai input untuk mengenal pasti risiko rasuah dalam organisasi.

Bengkel ini dijalankan menggunakan metodologi pengurusan risiko antarabangsa yang diterima pakai iaitu rangka kerja MS ISO 31000: 2010 yang meliputi :-

- Kewujudan Konteks;
- Penilaian Risiko; dan
- Rawatan Risiko.

Berikut adalah langkah-langkah yang terlibat di dalam kaedah ini :-

Pengurusan Risiko Rasuah – Pendekatan Keseluruhan



2.3 12 Risiko Tertinggi

Sebanyak 103 risiko rasuah telah dikenal pasti berkaitan dengan pelbagai PTj di UNIMAS. Dari jumlah ini, 69 telah melalui proses penilaian risiko rasuah terperinci, yang seterusnya menghasilkan senarai 12 risiko tertinggi. Senarai ini disusun mengikut keutamaan berdasarkan potensi impak dan kesannya terhadap operasi UNIMAS serta kemungkinan kejadian. Butiran risiko adalah seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah :

No	Risiko Rasuah	Bahagian Terlibat
1	Menerima suapan untuk mendedahkan maklumat rahsia perolehan Universiti	Bendahari, Ketua PTj
2	Manipulasi maklumat perolehan yang menjurus kepada jenama atau pembekal tertentu	Bendahari, Ketua PTj
3	Pegawai menyalah guna kuasa dalam mempengaruhi sesuatu keputusan berkaitan kewangan untuk kepentingan peribadi	Bendahari, Ketua PTj
4	Perunding menawarkan bayaran tunai untuk dilantik menjalankan projek pembangunan	PPbgn
5	Kontraktor menawarkan bayaran untuk: a. Mendapatkan maklumat anggaran harga projek yang hendak dilaksanakan b. Mendapat perolehan kerja naik taraf kolej	PPbgn, UHSB
6	Kontraktor memberi habuan kepada staf untuk mengesahkan kerja yang tidak mengikut spesifikasi	PPbgn
7	Memberi habuan kepada: a. Agensi kerajaan negeri untuk meluluskan harta intelek (<i>Intellectual Property (IP)</i>) b. Panel penilai MQA untuk mendapatkan kelulusan, perakuan dan memudahkan urusan akreditasi kerajaan untuk mendapatkan projek perundingan	IBEC, PPPA, UHSB
8	Salah guna kuasa dalam kalangan Pegawai dalam urusan pelantikan staf baharu/ kenaikan pangkat staf	BPSM
9	Menerima suapan untuk memberi maklumat sulit staf kepada pihak ketiga yang tidak sepatutnya	BPSM
10	Memberi rasuah untuk mendapatkan soalan peperiksaan	Fakulti
11	Pengurusan Tertinggi/ Ahli JK/ LPU/ Auditee mengarahkan: a. Sesuatu kajian penyelidikan tidak dilakukan b. Penemuan audit/ penyelidikan tidak dibangkitkan atau ditutup tanpa tindakan c. Urusan kewangan dan audit projek dilakukan tanpa mengikut prosedur kewangan	IBS, ISITI, ISuRE, iCreaTe, PAD
12	Menerima suapan bagi: a. Mempercepatkan kelulusan permohonan kemasukan pelajar b. Memasukkan nama calon yang tidak memenuhi syarat kemasukan ijazah sarjana muda c. Meluluskan kursus/ ujian/ VIVA d. Memberi keutamaan tempahan e. Pengecualian bayaran denda	PPS, PPPs, FK, AT2HB, UHSB

Kesemua 12 risiko ini bersama dengan pelan tindakannya digunakan untuk membentuk asas OACP UNIMAS.

PEMBANGUNAN OACP UNIMAS

3.1 Pengenalan kepada OACP

Bahagian ini menyediakan pengenalan kepada OACP dengan menerangkan Konsep 5W1H (Apa, Siapa, Bila, Di mana, Kenapa dan Bagaimana).

APA

OACP ialah satu pelan berskala tahunan yang menggariskan strategi UNIMAS untuk meningkatkan tahap integriti dan ketelusan operasinya serta mengurangkan risiko rasuah.



SIAPA

OACP terpakai kepada semua entiti operasi UNIMAS yang berkaitan. Ia diketuai dan disahkan oleh PTj, dengan BI bertindak sebagai Ketua Penyelaras Projek.

Ia melibatkan semua pihak berkepentingan di dalam dan di luar UNIMAS termasuk staf, pelajar, kontraktor, vendor dan pihak ketiga.



KENAPA

UNIMAS mengakui kesan ancaman isu rasuah ke atas pelajar, operasi dan masyarakat secara amnya. Trend dalam landskap kerja hari ini adalah untuk memerangi ancaman peningkatan rasuah dengan memperkukuh langkah-langkah pencegahan rasuah dan meningkatkan kesedaran dan amalan dalam kalangan semua pihak berkepentingan. Kementerian Pendidikan Tinggi turut mengakui ancaman ini dan sedang menerajui inisiatif transformasi antirasuah di semua universiti awam selaras dengan usaha pihak Kerajaan dalam inisiatif membendung isu rasuah pada masa sekarang.

UNIMAS memulakan transformasi bagi menangani cabaran ini, selaras dengan aspirasi Kerajaan melalui Pelan Antirasuah Nasional (PAN 2019 – 2023), ia diteruskan sejajar dengan pelaksanaan Strategi Antirasuah Nasional 2024-2029. Inisiatif ini adalah untuk menyahut saranan bagi menjadikan Malaysia sebuah negara yang bebas dari rasuah. Pengwujudan OACP ini adalah diharapkan akan berupaya meningkatkan tahap integriti dan ketelusan yang diamalkan di UNIMAS. Secara langsung, ia akan memberi manfaat kepada keseluruhan organisasi dan pihak berkepentingan untuk saling bekerjasama. Ini akan meningkatkan lagi nilai UNIMAS sebagai institusi yang berkualiti dan bereputasi.



BILA

Jangka masa untuk OACP ini adalah selama lima (5) tahun. Ia akan disemak semula secara berkala untuk menangani sebarang perubahan dalam risiko operasi yang mungkin berlaku dari semasa ke semasa. Perubahan ini adalah disebabkan oleh faktor persekitaran yang berbeza serta perubahan kepada Pelan Strategik UNIMAS.



DIMANA

OACP ini akan memberi kesan kepada setiap staf UNIMAS, dan akan diamalkan bermula dari Pengurusan Tertinggi Universiti sehingga ke semua peringkat staf dan pihak berkepentingan. Ia akan diikuti dan diamalkan sebagai salah satu falsafah teras dan budaya organisasi di sepanjang masa.



BAGAIMANA

Laluan ke arah pembangunan OACP ini bermula dengan usaha oleh pihak BI dengan mendapatkan pendedahan awal dari pihak Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) dan seterusnya melantik pemudahcara bagi membantu mengadakan latihan CRM bagi mengenal pasti risiko rasuah di UNIMAS. Seterusnya bengkel OACP telah diadakan pada 08 dan 09 Ogos 2023 untuk memperhalusi dan memperkemaskan risiko yang telah dikenal pasti. Langkah ini telah berjaya menghasilkan dokumen kepada rangka kerja pelaksanaan Pelan Tindakan Antirasuah UNIMAS.


Pihak BI akan memastikan OACP ini akan dapat disebarluaskan serta difahami secara berkesan oleh semua staf serta pihak berkepentingan.



Dokumen OACP ini akan dijadikan bahan rujukan dan bertindak sebagai dokumen hidup yang akan berupaya membimbing UNIMAS dalam mencapai objektif antirasuahnya. Hasil strategik amalan OACP adalah diharapkan akan berupaya mengubah staf UNIMAS menjadi individu yang berintegriti tinggi serta memberi impak positif kepada organisasi dan pihak berkepentingan.

3.2 Objektif OACP

OACP bertujuan untuk menyediakan satu pelan yang komprehensif yang menggariskan tindakan yang jelas dan boleh diukur dalam inisiatif pencegahan rasuah organisasi. Ia dibangunkan dengan objektif berikut :-



Objektif ini akan membantu UNIMAS dalam membangunkan Pelan Strategik Pencegahan Rasuahnya sendiri. Ia menggariskan isu-isu yang menyumbang kepada amalan rasuah dan mentakrifkan pendekatan dan juga program (inisiatif) yang bertujuan untuk menanganinya melalui tindakan berikut :

- Pelaksanaan tugas;
- Penyampaian perkhidmatan; dan
- Pemantauan dan semakan.

Semua inisiatif ini akan dikaitkan dengan Bidang Keutamaan dan Matlamat Strategik Pencegahan Rasuah dan juga akan menyumbang kepada merealisasikan Visi dan Misi UNIMAS.

3.3 Pendekatan Tujuh (7) Langkah


Dalam rangka kerja MS ISO 31000: 2010 (*Risk Management – Principles and Guidelines*) yang diiktiraf antarabangsa, pendekatan Tujuh (7) Langkah digunakan untuk membangunkan OACP UNIMAS. Pendekatan ini menghasilkan pelan hala tuju yang jelas dan komprehensif dengan inisiatif pencegahan rasuah bagi tempoh 2026 – 2030.

Untuk memastikan kejayaan dalam memenuhi objektifnya, OACP memperuntukkan pemilikan dan garis masa bagi memantau setiap inisiatif sehingga mendapat keputusan yang memuaskan.

Di antara fokus utama adalah :-

- Menyediakan satu mekanisma bagi menurunkan risiko rasuah utama yang dikenal pasti;
- Melibatkan penyertaan semua pihak berkepentingan di dalam dan di luar UNIMAS;
- Membudayakan amalan etika kerja yang baik;
- Membuat dan memantau penilaian secara berterusan;
- Menggabungkan petunjuk yang boleh diukur dan dijejaki;
- Membuat semakan pertengahan penggal; dan
- Menyelaras peningkatan tahap integriti UNIMAS.

Berikut ialah Proses Utama pendekatan Tujuh (7) Langkah :-



3.4 Bidang Keutamaan dan Matlamat Strategik Pencegahan Rasuah

Risiko yang dikenal pasti daripada bengkel CRM dan OACP adalah berkaitan dengan operasi UNIMAS, iaitu memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan dan pemegang taruh. Selari dengan ini, UNIMAS juga berhasrat menguruskan belanjawannya dengan cara yang cekap untuk menghasilkan nilai bagi pelaburannya, dan juga meningkatkan reputasinya sebagai sebuah organisasi yang mengamalkan integriti.

Tiga (3) Bidang Keutamaan telah dikenal pasti iaitu :-




Setiap inisiatif OACP adalah dikategorikan di bawah salah satu dari tiga (3) Bidang Keutamaan ini.

Bidang Keutamaan ini mencerminkan kedua-dua matlamat teras UNIMAS iaitu model operasinya dan bagaimana OACP ini akan dilaksanakan untuk menangani pelbagai bidang berisiko tinggi yang telah dikenal pasti. Perhubungan antara ketiga-tiga Bidang Keutamaan ini menekankan cara UNIMAS melihat OACP ini bukan sekadar satu keperluan pematuhan dalaman. Dengan mengurangkan kos melaksanakan kerja dan mengukuhkan operasi keseluruhan UNIMAS, OACP ini boleh menyumbang secara langsung kepada menangani risiko rasuahnya sambil memenuhi matlamat Misi dan Visinya.

Matlamat Strategik Pencegahan Rasuah

Setiap Bidang Keutamaan telah dikemas kini untuk mencapai suatu Matlamat Pencegahan Rasuah yang tertentu. Matlamat Strategik Pencegahan Rasuah ini adalah berkaitan secara langsung dengan Bidang Keutamaan yang dikenal pasti seperti yang ditunjukkan di bawah:

Matlamat Strategik Antirasuah



Matlamat ini menggariskan hasil yang diinginkan oleh UNIMAS dari pelbagai inisiatif yang dikumpulkan di bawah setiap Bidang Keutamaan. Hasilnya, kesemua inisiatif di dalam OACP ini secara langsung akan menyumbang kepada pencapaian objektif UNIMAS.

3.5 Rangka kerja OACP

Di bawah ini adalah rangka kerja yang diterangkan di bahagian sebelum ini yang menghubungkan model operasi UNIMAS dengan inisiatif OACP.

Ia menerangkan visi dan misi UNIMAS bersama-sama dengan objektif strategik dan keputusannya. Ini diikuti oleh tiga (3) bidang keutamaan bersama dengan matlamat antirasuah yang berkaitan. Pautan kritikal adalah antara tema strategik (mewakili model operasi UNIMAS) dan bidang keutamaan (mewakili inisiatif OACP).

Akhir sekali, kesemua inisiatif OACP dikumpulkan mengikut tahun pelaksanaannya. Ini menghasilkan satu rangka kerja yang komprehensif, bermula dengan Visi dan Misi UNIMAS sehingga ke tahap Inisiatif-Inisiatif OACP.

Rangka Kerja OACP UNIMAS



PELAN TINDAKAN OACP

4.1 Gambaran Keseluruhan

Semasa bengkel CRM dan OACP dijalankan, peserta telah mengenal pasti sebanyak 28 inisiatif yang dianggap perlu untuk mengurangkan 12 risiko rasuah seperti yang disenaraikan dalam Bab 2. Untuk memastikan pelaksanaannya berjaya, beberapa parameter tertentu yang dianggap perlu telah diberikan kepada inisiatif ini termasuk:

a. Tanggungjawab

Mengenal pasti PTj yang bertanggungjawab untuk melaksanakan inisiatif tersebut. PTj ini akan mendapat manfaat secara langsung dari kejayaan pelaksanaan inisiatif tersebut. Pendekatan ini juga memastikan penglibatan semua pihak yang berkepentingan dan mengurangkan beban tanggungjawab dipikul sepenuhnya oleh BI.


b. Garis Masa

Langkah permulaan penentuan garis masa adalah melalui pengenalanpastian tahun inisiatif ini akan disiapkan. Ia ditentukan dengan mengambil kira faktor-faktor seperti tempoh pelaksanaan inisiatif perlu dilaksanakan, kesediaan untuk pelaksanaan dan tahap sumber yang sedia ada. Garis masa yang akan ditakrifkan dalam tempoh OACP dan akan dipantau adalah dalam tempoh semasa dan tempoh lima (5) tahun dari 2026 hingga 2030. Empat (4) garis masa telah dikenal pasti bagi mentakrifkan setiap inisiatif iaitu Permulaan, Jangka Pendek, Jangka Sederhana dan Jangka Panjang.

4.2 Pecahan Bidang Keutamaan

28 inisiatif OACP telah disenaraikan mengikut tiga (3) bidang keutamaan UNIMAS iaitu :-

Bidang Keutamaan	Jumlah	Peratusan %
Tadbir Urus	13	46
Pengurusan Kewangan	8	29
Pengurusan Akademik	7	25




4.3 Perspektif Keseluruhan

Rajah berikut memberikan perspektif keseluruhan untuk 28 inisiatif UNIMAS yang dikumpulkan mengikut empat (4) jangka masa. Setiap Bidang Keutamaan menunjukkan inisiatif yang berkaitan dan garis masa untuk disiapkan :-

1	Melaksanakan tapisan keutuhan (<i>Integrity Screening</i>) dan memantapkan penetapan syarat /kriteria /kelayakan dalam pemilihan syarikat dan juga pihak yang mengurus perolehan Universiti.
2	Memperkasakan perlaksanaan (<i>Integrity Screening</i>) dengan melanjutkan sesi taklimat kesedaran kepada pihak ketiga atau bagi mana-mana pihak berkepentingan yang berurusan dengan UNIMAS
3	Mempelbagaikan bentuk latihan untuk meningkatkan integriti pegawai
4	Memastikan Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) disampaikan dengan jelas dan menyeluruh kepada semua warga UNIMAS
5	Mengemas kini dan menambah baik kandungan dokumen perjanjian yang melibatkan UNIMAS dan mana-mana pihak yang bekerjasama atau berurusan dengan UNIMAS (MoU/MoA)
6	Menetapkan peraturan yang ketat terhadap penerimaan hadiah/tajaan
7	Memperkasakan Pejabat Audit Dalam
8	Memperkasakan Bahagian Integriti
9	Memantapkan saluran aduan yang komprehensif
